

Islam yang dibawa oleh Junjungan Kita

Muhammad Rasulullah *ṣallā Allāhu alayhi wa sallam*

Islam ialah agama Allah dan wahyunya yang mulia untuk seluruh umat manusia. Ia telah diturunkan dan diperundang-undangan menerusi lidah pesuruhnya Saiyidina Muhammad *ṣallā Allāhu alayhi wa sallam*, untuk membawa manusia melalui jalan lurus sehingga menyampaikan mereka kepada setinggi-tinggi kemuncak kemuliaan dan kemajuan di dunia dan di akhirat kelak. Bukan pula Islam agama yang tertentu bagi orang-orang Arab sahaja, tetapi Islam ialah agama Allah untuk umat manusia seluruhnya. Dasar-dasar Islam telah tersebut di dalam pengajaran Nabi-nabi dan Rasul-rasul sekaliannya, kemudian telah berkembang cabang-cabangnya dalam hukum-hukum agama menerusi lidah mereka, sambil meningkat dari zaman ke zaman, dan berubah maju serentak dengan kemajuan umat manusia.

(Oleh al-Ustaz Mahmud Abu al-Fayd Al-Manufi)

Islam mempunyai beberapa tujuan, yang terutamanya ialah tauhid bagi zat Allah yang Maha Tinggi, dan mensucikannya dari masa dan tempat, dari pemandangan mata kepala dan suatu yang menyengutinya, dari yang menjadi sebanding dan penolong, dari ibu dan bapa, dari anak pinak dan sebagainya.

Di antara tujuan Islam juga ialah menyebarkan keadilan, kebaikan, semangat bertolak ansur, dan persaudaraan di antara seluruh kaum dan bangsa, dan memperkukuhkan perdamaian dalam kalangan masyarakat manusia. Ia juga menanam rasa kasih sayang, bertolong bantu dan bermesyuarat dalam kalangan kumpulan manusia dan pecahan-pecahannya yang kecil.

Syiar Islam yang utama ialah tauhid, kerana ia agama tauhid. Alam manusia tidak akan melihat, dan tidak sesekali akan melihat dalam sejarah-sejarah agama seluruhnya, sebagaimana yang telah dibuktikan oleh ((alam agama yang memperbanding)) seperti Islam sebagai agama, yang menyuruh pemeluk-pemeluknya membenarkan sekalian Nabi-nabi dan mengakui akan segala kitab-kitab (yang diturunkan kepada Nabi-nabi), yang bersih dari perubahan dan tokok tambah, dan yang memelihara akan kesucian iktikad daripada kufur, syirik, dan syak.

Di antara tujuan-tujuan Islam yang ditetapkan, ialah memerdekakan akal fikiran dari perasaan jumud dan menurut dengan buta tuli akan orang-orang yang dahulu, dan

belunggu jahiliah yang berbentuk agama, serta faham-faham ilmu

Allah Ta'ālā:

pengetahuan dan falsafah yang terpelencong dari cahaya

((Shara'a lakum mina al-dīni mā waṣṣā bihi nūḥan walladhī

kebenaran. Kesemuanya ini telah diakui oleh ahli-ahli

aw haynā ilayka wa mā waṣṣaynā bihi Ibrāhīma wa Mūsā wa

pengetahuan dan ahli-ahli falsafah dahulu dan sekarang.

ʿĪsā an aqīmū al-dīnā wa lā tatafarraqū fīhi...))

Islam juga bukanlah agama yang terselindung

Ertinya: Ia ((Allah 'Azza wa Jalla)) telah jelaskan kepada

dasar-dasarnya, atau kabur tujuan-tujuannya kepada orang-orang yang

kamu akan perkara-perkara agama, apa yang ia wajibkan kepada

bukan pemeluknya dari pengikut lain-lain agama yang mempunyai


Nūḥ, dan yang kami wahyukan kepadamu, dan apa yang

kitab-kitab yang diturunkan.

kami wajibkan dia kepada Ibrāhīm dan Mūsā dan

Hal ini terbentang dengan jelasnya di dalam firman

ʿĪsā, iaitu hendaklah kamu dirikan agama dan janganlah



Suatu pemandangan di Masjidil Haram Makkah al-Mukarramah. Di Tanah Suci inilah Junjungan kita Nabi Muḥammad *ṣallā Allāhu alayhi wa sallam* yang kita peringati hari mawlidnya pada bulan yang berbahagia ini telah diputerakan dan

dari sinilah cahaya Islam terpancar menyinari dunia.

kamu bercerai padanya..)

Islam menurut maknanya yang utama ialah Islam hati, perasaan, niat dan amal: Kesemuanya kerana Allah, kesediaan mengesakan Allah dengan tauhid yang benar lagi suci, yang menjadi pemutus, kesediaan menentukan ibadat kepadanya semata-mata.

Ini jelas terbentang di dalam Al-Qur'an:

((Fa`aqim wajhaka liddīni ḥanīfan fīṭrata Allāhi al-latī faṭara al-nāsa `alayhā lā tabdīla liḥkalqī Allāhi dhālika al-dīnu al-qayyimu wa lākinna akthara al-nāsi lā ya`lamūna)).

Ertinya: ((Maka hadapkanlah dirimu kepada agama dengan lurus, itulah ciptaan Allah yang ia telah ciptakan manusia di atasnya. Tiada perubahan bagi sesuatu yang dijadikan Allah. Itulah agama yang lurus tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.))

Adapun Rasulullah *ṣallā Allāhu alayhi wa sallam*, ialah hamba Allah, dan saudara bagi umat Islam, lagi orang pilihan mereka, serta kekasih Allah. Ia telah hidup bersama-sama dengan mereka, sebagai salah seorang dari mereka, kemudian daripada itu ia menjadi contoh bagi Nabi-nabi dan Rasul-rasul kesemuanya. Ia diutus oleh Allah *Subḥānahu wa Ta`ālā* kepada umat manusia seluruhnya, dan menjadi rahmat bagi segala alam.

Ahli falsafah Jerman, Doktor Hugo¹ Marcuse, berkata: (Islam ialah agama yang baharu sekali di antara agama-agama yang turun dari langit, kemudian ia menjadi lebih maju dan lebih besar daripada agama-agama itu, bersesuaian dengan kemajuan, dan kemajuan itu sebelum apa-apa yang lain ialah kemajuan akal ke arah keyakinan. Islam

mempunyai keistimewaan dengan hal ini dalam pengajaran-pengajaran kerana ia sebesar-besar agama yang menggunakan hukum akal dan yang sangat-sangat menghormatinya. Islam tidak meminta kepada pemeluk-pemeluknya percayakan suatu yang tidak diakui oleh mantik yang sempurna. Sebenarnya Islam berterus-terang menyatakan bahawa segala pengajarannya berpuncakan wahyu yang disokong oleh pemikiran.

Di dalam Islam, kejadian-kejadian sejarah yang benar, menyokong terus menerus akan kejadian azali yang benar, dan sentiasa meletakkan di hadapan matanya iaitu berjalan terus bersama-sama dengan kemajuan alam pengetahuan, ia telah menyediakan untuk pemeluk-pemeluknya bahagian yang besar sekali dari kemerdekaan berfikir.

Yang demikian ini kerana agama Islam ialah agama semula jadi dan diterima, ia berkata-kata kepada hati dan akal secara langsung dengan tidak ada penutup dan pendinding.

Felix Paulry², ahli kemasyarakatan *American*, pula berkata:

((Akidah Islam yang suci bersih, mensifatkan tiap-tiap fikiran baharu, yang diterima oleh akal, adalah bersesuaian dengan pengajaran yang menjadi dasar Islam, terutama apabila mendapat persetujuan umat Islam yang ramai sekali (*ijmā`*).))

Di dalam asas Islam terdapat dasar pemilihan umum yang menyuruh supaya diamalkan oleh undang-undang hukum syura (bermesyuarat). Ini menjadi dalil tentang penerimaan Islam untuk menyesuaikan cabang-cabang hukumnya menurut kehendak-kehendak yang dituntut oleh kebajikan orang-orang Islam. Dasar-dasar yang mulia ini telah berkekalan dalam kalangan

² Ejaan setepatnya Paul Felix Lazarsfeld. Paul Felix Lazarsfeld (February 13, 1901 – August 30, 1976) was one of the major figures in 20th-century American sociology - Wikipedia

¹ Fakta tentang ahli Falsafah Jerman sepatutnya Herbert Marcuse

bangsa-bangsa yang telah mengikut Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu 'alayhi wa ālihi wa sallam*, yang menjadikan Islam agama mereka.

Ahli kemasyarakatan Amerika itu berkata lagi, bahawa Islam ialah agama kemasyarakatan dan syura (berdasarkan mesyuarat) dalam segala hukum dan segala pemerintahannya. Tidak sempurna sesuatu perkara melainkan dengan mesyuarat dan *ijmā'*, dan tidak berkuasa seseorang pemegang pemerintahan melainkan dengan pemilihan yang tegas nyata, yang diakui oleh orang ramai.

Orang-orang Islam mempunyai adat istiadat dan peraturan yang bernilai, yang ditetapkan oleh keadaan semulajadi dan diakui oleh akal, yang menjadikan seseorang muslim tidak berkehendak kepada menurut kaum-kaum dan bangsa-bangsa yang bukan Islam dalam perkara adat dan cara-cara hidup yang diwarisi oleh mereka, yang tidak bersandarkan melainkan kepada dasar-dasar kebendaan dan ekonomi serta penjajahan, yang bertujuan menghancurkan tenaga bangsa-bangsa timur dan akhlakunya.

Buku-buku Pelajaran Agama

Panduan Wanita	80 Sen
Hukum Ṭahārah Dan Air	80 Sen
Hukum Bersuci	40 Sen
Mari Sembahyang (Lelaki)	1.00
Mari Sembahyang (Perempuan)	1.00
Pelajaran Sembahyang 1	1.20
Pelajaran Sembahyang 2	1.20
Pesanlah Kepada Penerbitnya	

Qalam, Singapura

Tentang kejadian-kejadian yang seperti itu, Johnson, ahli pengetahuan Inggeris, berkata:

((Kami lihat saudara-saudara kami orang-orang Islam terlalu suka mengetahui akan adat dan hal ehwal kami, dan segera meniru kami, tetapi kitalah orangnya wajib mengambil daripada mereka dan belajar kepada mereka, kerana mereka ialah ahli-ahli pengetahuan tentang ilmu-ilmu ketuhanan dan perundangan, dan mereka semenjak dahulu lagi mempunyai jasa-jasa dalam segala jenis ilmu pengetahuan, dan menjadi pembangun dasar persamaan hak di seluruh alam. Mereka ialah orang-orang yang berjasa dan berbudi dalam kemajuan tamadun Barat))

Mengenai dasar-dasar Islam yang terkenal mudah diterima oleh akal dan bersesuaian dengan tabiat manusia yang semula jadi, (Goethe), pujangga Jerman yang masyhur berkata:

(Kalau inilah dia Islam, maka tidakkah kita sekalian orang-orang yang berakal, sedia hidup di dalamnya?)

Islam mengangkat pemeluknya menaiki tiga tingkatan: Islam, Iman dan Ihsan.

Yang pertamanya Islam, disimpulkan oleh dua syahadah: *Lā Ilāha illa Allāh Muḥammad Rasūlullāh*, dengan dilafazkan, diiktikadkan dan diamalkan.

Iman pula ialah asas Islam yang utama. Iman tidak akan sempurna melainkan setelah ia menjadi iktikad seseorang dengan sebenar-benarnya. Sedang Iman yang lemah ialah Iman orang-orang yang hanya menjadi pak turut sahaja.

Manakala Ihsan pula terbahagi dua: Sebahagian untuk Allah dan asasnya ialah yakin dan takwa. Dan sebahagian lagi untuk manusia, iaitu berasaskan perhubungan yang baik dengan orang ramai.